

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2025**

MPP 3

**SEJARAH
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



SULIT

MPP 3 TAHUN 2025
SEJARAH TINGKATAN 5

1249/1

Kertas 1
Julai/Ogos
1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A,B,C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

1249/1 @ MPP 3 2025

[Lihat sebelah
SULIT

1 Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka dikenali sebagai kerajaan yang unggul?

- I Dilindungi kuasa besar
 - II Keupayaan pemerintah
 - III Berada di laluan strategik
 - IV Bantuan ketenteraan dari luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

2 Apakah tugas Temenggung pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengetuai pentadbiran
- B Menjaga keselamatan kota
- C Mengutip cukai perdagangan
- D Mengurus kewangan

3 Raden Adjeng Kartini telah menulis dua buah karya berikut.

- Habis Gelap Terbitlah Terang
- Penulisan Seorang Puteri Jawa

Mengapakah karya tersebut dihasilkan?

- A Ancaman imigran dalam pentadbiran
- B Rakyat ditindas oleh penjajah
- C Kritikan kelemahan pemerintah
- D Kepesatan kegiatan perdagangan

4 Mengapakah munculnya idea nasionalisme di negara kita?

- A Peranan golongan intelek
- B Sokongan pegawai pemerintah
- C Kepelbagaian kegiatan ekonomi
- D Kewujudan golongan bangsawan

5 Apakah faktor yang mendorong tercetusnya Perang Dunia Pertama pada 1914?

- A Percubaan kuasa besar menguasai wilayah Amerika
- B Perjuangan mengekalkan kemerdekaan Eropah
- C Pembunuhan pewaris takhta Austria - Hungary
- D Pencerobohan wilayah taklukan Jerman

6 Maklumat berikut berkaitan dengan fahaman ideologi politik.

X	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu. • Percaya kepada nasionalisme melampau termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara.
---	---

Apakah X?

- A Sosialisme
- B Komunisme
- C Fasisme
- D Nazisme

7 Mengapakah Persidangan Raja-raja Melayu pada April 1946 memutuskan untuk membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England?

- A Menghalang British melanggar perjanjian
- B Mengkritik pelaksanaan undang-undang Barat
- C Memulihkan keamanan dan kepercayaan rakyat
- D Mendesak dan memaksa Raja-raja Melayu

8 Maklumat berikut berkaitan faktor penyerahan Sarawak kepada British.

- Desakan kerajaan British

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Pembesar tempatan mengetuai kerajaan
B Sarawak menjadi tanah jajahan British
C Kerjasama kaum dapat ditingkatkan
D Mendapat taraf pemerintahan sendiri
- 9 Mengapa tindakan Jawatankuasa Kerja tidak disenangi oleh golongan nasionalis Melayu radikal dan golongan bukan Melayu?
- A Melibatkan wakil daripada pihak tertentu
B Menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
C Menghalang penganjuran hartal sebagai tanda bantahan
D Melambatkan proses pelaksanaan pilihan raya umum
- 10 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Kerakyatan jus soli dihapuskan
II Mewujudkan kerjasama kaum
III Membuka ruang kewarganegaraan
IV Rakyat bebas memilih pemimpin
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
17 Jun 1948	Undang-Undang Darurat diisyiharkan

Apakah peristiwa yang menyebabkan undang-undang tersebut diisyiharkan?

- A Pembukaan cawangan Parti Kuomintang
- B Pembunuhan pengurus ladang Eropah
- C Perubahan dasar pentadbiran British
- D Penentangan Kesatuan Sekerja

12 Gambar berikut menunjukkan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman menandatangani penamatan Ordinan Peraturan-Peraturan Darurat 1948.




Sumber: Pusat Maklumat Utusan dan Unit Foto Utusan Melayu (M) Bhd.

Apakah kesan zaman darurat terhadap negara kita?

- I Mempercepat kemerdekaan
 - II Menanam semangat perjuangan
 - III Merangka sebuah perlembagaan
 - IV Meningkatkan kos perbelanjaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13 Rajah berikut berkaitan dengan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.



Apakah kepentingan penyata tersebut terhadap negara?

- A Meningkatkan imej negara
- B Mewujudkan kestabilan politik
- C Membangunkan ekonomi rakyat
- D Memupuk nilai kewarganegaraan

14 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan parti politik di Tanah Melayu.

Tarikh	September 1951
Parti	Independence of Malayan Party (IMP)
Pengasas	Dato' Onn Jaafar Tan Cheng Lock

Mengapa parti tersebut ditubuhkan?

- I Memelihara kepentingan penduduk
 - II Menuntut keadilan sosioekonomi
 - III Mencapai kemerdekaan negara
 - IV Menyatukan pelbagai kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15	Tarikh	Peristiwa
	21 April 1954	Tunku Abdul Rahman ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock, T.H. Tan dan Dato' Abdul Razak Hussien

Peristiwa di atas dikaitkan dengan

- A pembubaran Sistem Ahli
- B penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya
- C kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- D keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan

16 Tokoh berikut merupakan anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.



Dato' Abdul Razak Hussein

Apakah sumbangan beliau dalam kabinet tersebut?

- A Memajukan pendidikan negara
- B Membasmi kemiskinan rakyat
- C Memantapkan sistem maklumat
- D Meningkatkan mutu kesihatan

17 Apakah Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- A Penggabungan semua negeri di Tanah Melayu
- B Pemberian kuasa mutlak kepada sultan
- C Menghadkan kuasa kerajaan negeri
- D Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu

- 18 Maklumat berikut berkaitan reaksi terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Parti Negara menolak kewarganegaraan yang longgar

Apakah tindakan yang dilakukan Parti Negara berkaitan isu tersebut?

- A Mengadakan rundingan
B Mengajurkan kongres
C Melakukan demonstrasi
D Membentuk suruhanjaya
- 19 Bagaimanakah kemerdekaan sesebuah negara dapat dikenalkan?
- I Meninggalkan nilai-nilai tradisional bangsa
II Mengelakkan pengaruh luar yang negatif
III Menyumbang idea untuk keperluan bangsa
IV Meningkatkan usaha untuk kepentingan peribadi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Jawatankuasa Sambutan

Apakah peranan kedua-dua jawatankuasa tersebut?

- A Mendukung perlembagaan persekutuan
B Mempertahankan warisan bangsa
C Menonjolkan identiti negara
D Mematuhi dasar kerajaan

21 Konsep kedaulatan tradisional merujuk kepada

- A Raja memiliki kuasa tertinggi dalam pentadbiran
- B Pengiktirafan badan antarabangsa terhadap negara
- C Perkongsian kuasa antara badan-badan pemerintah
- D Rakyat berhak menentukan hala tuju pentadbiran negara

22 Apakah ciri negara yang berdaulat?

- I Kerajaan yang sistematik
- II Sempadan yang jelas
- III Rakyat berbilang kaum
- IV Mendapat naungan negara asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 British telah memperkenalkan Charter of Justice yang diambil dari England pada tahun 1807.

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan di Negeri-negeri Selat?

- A Melindungi penduduk asal
- B Menjamin kekuasaan pembesar
- C Menjaga kepentingan pedagang
- D Memperkuuh pasukan keselamatan

24 Mengapakah perlombagaan penting terhadap sesebuah negara?

- A Mengekalkan kuasa penuh kerajaan negeri
- B Memberi kebebasan penuh kepada rakyat
- C Mengekalkan kuasa multak raja-raja
- D Menetapkan hala tuju pemerintahan negara

25 Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Apakah hak rakyat dalam sistem tersebut?

- A Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B Mengamalkan gaya hidup bebas
- C Memiliki dua kewarganegaraan
- D Memilih pemimpin negara

26 Rajah berikut berkaitan dengan komponen Parlimen Malaysia.



Apakah X?

- A Jemaah Menteri
- B Dewan Rakyat
- C Majlis Raja-Raja
- D Badan Kehakiman

27 Senarai Negeri memperuntukkan kuasa Kerajaan Negeri.

Apakah perkara yang terletak dalam Senarai Negeri?

- A Pertahanan
- B Pelajaran
- C Pertanian dan perhutanan
- D Perubatan dan kesihatan

28 Gambar berikut menunjukkan suasana mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Menyelaraskan undang-undang negara
- B Menyelaras pelaksanaan dasar kerajaan
- C Mengukuhkan kuasa Jemaah Menteri
- D Melantik Ahli Dewan Undangan Negeri

29 Pegawai berikut mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

- Lord Brassey
- Sir Gerald Tamplier

Mengapakah mereka mencadangkan pembentukan Malaysia?

- I Memanfaatkan potensi ekonomi
- II Memastikan keselamatan wilayah
- III Menghalang kemasukan imigran
- IV Membendung ancaman komunis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Pada September 1962, referendum telah diadakan di Singapura.

Mengapakah referendum tersebut diadakan?

- A Membendung ancaman komunis
- B Meningkatkan taraf hidup peribumi
- C Mengkaji kuasa autonomi laporan Suruhanjaya Cobbold
- D Menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia

- 31 Terdapat cabaran yang dihadapi oleh kerajaan selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Apakah cabaran tersebut?

- I Perpaduan kaum
 - II Pembangunan dan ekonomi
 - III Kekurangan bahan mentah
 - IV Ketiadaan pemimpin yang berwibawa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 32 Apakah kesan slogan tersebut terhadap kerajaan Persekutuan.

Tokoh	Slogan
Lee Kuan Yew	Malaysian Malaysia

- A Penyingkiran Brunei
- B Pemisahan Singapura
- C Penambahan cukai eksais
- D Persetujuan negara serantau

- 33 Perkara berikut berkaitan dengan cadangan aktiviti kokurikulum dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

- Kegiatan persatuan
- Unit beruniform
- Sukan dan permainan

Mengapakah aktiviti kokurikulum diberi tumpuan?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Melahirkan atlet bertaraf dunia
- C Mempelbagai aliran persekolahan
- D Meningkatkan kemahiran teknologi

SULIT

34 Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara?

- I Mencipta masyarakat yang adil
 - II Menjamin hak kebebasan rakyat
 - III Memperkasa semangat kenegerian
 - IV Membentuk masyarakat demokratik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak bin Hussein pada 20 Disember 1974.

Mengapakah Rancangan Buku Hijau diperkenalkan?

- A Mempercepatkan pembangunan wilayah
- B Menambah pengeluaran makanan
- C Membuka peluang pekerjaan
- D Memajukan industri desa

36 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat di bawah Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Meningkatkan saham kaum bumiputera sekurang-kurangnya mencapai 30% dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden.

Apakah strategi yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut?

- A Latihan intensif
- B Pemberian tender
- C Kerjasama agensi
- D Program penswastaan

- 37 Pada tahun 1963, Pertubuhan Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) telah ditubuhkan.

Apakah tujuan penubuhan tersebut?

- A Menjaga keharmonian serantau
- B Meningkatkan ekonomi dagangan
- C Menggalakkan semangat kesukanan
- D Memperkuuh kebudayaan nusantara

- 38 Malaysia menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran- Iraq dalam konteks pertubuhan OIC.

Apakah kesan daripada pelibatan Malaysia dalam isu tersebut?

- A Pengumuman gencatan senjata
- B Pengukuhan keselamatan global
- C Pembentukan negara demokrasi
- D Penguatkuasaan undang-undang

- 39 Berikut ialah negara-negara yang terlibat dalam isu tuntutan Kepulauan Spartly yang terletak di Laut China Selatan.

- Malaysia
- China
- Vietnam
- Brunei
- Filipina

Apakah asas yang menjadi tuntutan negara-negara tersebut terhadap Kepulauan Spartly?

- A Kesuburan tanah
- B Keluasan wilayah
- C Kedudukan geostrategik
- D Keindahan alam semulajadi

- 40 Berikut ialah persidangan yang telah disertai oleh Malaysia dalam menangani isu pelepasan gas rumah hijau.

Persidangan	Tahun
Protokol Kyoto	1997
Persidangan Alam Sekitar	2007

Apakah persetujuan yang telah dicapai dalam persidangan tersebut?

- A Mencipta senjata biologi
- B Meneruskan penjualan bahan kimia
- C Meningkatkan pembangunan fizikal
- D Menggalakkan penggunaan tenaga baru

KERTAS SOALAN TAMAT